

24 OCT 2003

Abdullah-Campurtangan (Bergambar)

RANTAU ASEAN TIDAK PERLU CAMPURTANGAN ASING, KATA ABDULLAH

KEPALA BATAS, 24 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata negara asing tidak perlu campurtangan dalam hal ehwal rantau Asean kerana ia merupakan rantau yang aman, selamat dan stabil hasil muafakat di kalangan negara-negara anggota pertubuhan itu.

Katanya Malaysia sendiri menolak campurtangan negara asing dan akan selama-lamanya menolak tindakan seperti itu.

"Selama-lamanya kita tidak bersetuju dengan campurtangan asing kerana kita sendiri tidak campurtangan hal orang lain," katanya ketika ditanya pemberita mengenai laporan bahawa Presiden Amerika Syarikat George W. Bush mengisytiharkan Australia mempunyai tanggungjawab khas bagi mempertahankan keselamatan Asia Pasifik .

Bush semasa berucap pada Ahli Parlimen Australia dalam lawatannya ke negara itu semalam dipetik sebagai berkata bahawa keselamatan di rantau ini selalunya bergantung kepada negara-negara yang mahu bertanggungjawab terhadap jiran mereka dan Australia telah membuktikannya.

"(Negara-negara) rantau Asean ada muafakat dan ia telah terbukti selama ini, Asean menjadi rantau yang aman tenteram yang dapat menjanakan pembangunan ekonomi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan masjid Jamiul Jalal, Pajak Song di sini.

Abdullah berkata apa sahaja yang hendak dilakukan Amerika Syarikat sama ada hendak memberi tugas dan amanah kepada Australia, ia merupakan haknya.

"Apa dia nak buat dan apa dia nak cakup, apa amanah dan tugas nak beri kepada Australia, itu hak dia. Yang pentingnya, (rantau Asean) ini adalah kawasan kita. Kita jaga keselamatan kawasan kita sendiri dan negara Asean ada muafakat untuk memastikan rantau ini adalah rantau yang aman, rantau yang selamat dan rantau yang stabil," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata beliau tidak nampak sebarang masalah dalam peralihan kuasa minggu depan.

"Saya tak nampak akan ada apa-apa problem," katanya ketika diminta mengulas pandangannya samada peralihan kuasa itu akan berjalan lancar apabila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Wallahua'lam. Apa orang nak lapor, apa pandangan orang nak berikan, kita tak dapat nak control dan tak dapat nak pengaruhi mereka", katanya ketika ditanya mengenai iklim pelaburan apabila berlaku peralihan kuasa itu.

Abdullah berkata apa yang penting yang boleh dilakukan (sekarang) ialah jalankan kerja dengan baik dan pastikan apa yang hendak dilaksanakan berjalan dengan elok.

-- BERNAMA

NH AZH